

19/01/2003

Sultan Selangor dahului penerima anugerah kebesaran Kedah

Hassan Omar

ALOR STAR: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai senarai penerima penganugerahan darjah dan bintang kebesaran sempena Ulang

Tahun Keputeraan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang Ke-75, esok.

Sultan Selangor dan Dr Mahathir, masing-masing menerima anugerah Darjah

Kerabat (DK) Kedah yang akan disampaikan Sultan Kedah, di Istana Anak Bukit, di sini esok.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menerima darjah Datuk Seri Setia Diraja Kedah (SSDK), manakala Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk

Paduka Ismail Shafie menerima darjah Datuk Lela Setia.

Mufti Kedah, Datuk Syeikh Hasbullah Abdul Halim dan Ketua Pengarah Jabatan Kastam, Datuk Abdul Halil Mutalib menerima darjah Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (DHMS) yang membawa gelaran Datuk Paduka.

Empat orang yang menerima Darjah Kebesaran Gemilang Seri Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati (DGMK) yang membawa gelaran Datuk Wira adalah Pegawai

Kewangan Negeri, Datuk Ku Nahar Ku Ibrahim; Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan

Awam (SPA), Datuk Syed Ahmad Syed Mohamad; Pengarah Tanah dan Galian negeri, Datuk Hashim Mat Noor dan Pengerusi Sarawak Securities Sdn Bhd, Datuk Onn Mahmud.

Seramai 37 orang menerima Darjah Datuk Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk iaitu Ahli Exco, Osman Md Aji; kakanda Sultan Kedah,

Datin Paduka Tunku Hamidah Almarhum Sultan Badlishah; Tunku Mukminah Tunku

Md Jewa; Prof Tunku Sarah Tunku Ahmad Yahya dan Timbalan Ketua Setiausaha

III Kementerian Luar, Siddiq Firdause Mohd Ali.

Selain itu, turut menerima DSDK adalah Duta Besar Malaysia ke Austria, Gulam Husein Gulam Haniff; Duta Besar ke Syria, Abdullah Sani Omar; Pegawai Daerah Kota Star, Ahmad Abdullah; Timbalan Pegawai Kewangan negeri, Wan Mustaffa Wan Mahmud; Pegawai Daerah Baling, Abdul Mukhti Abdullah; Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri dan Timbalan Ketua Polis Kedah, Senior Asisten Komisioner II Mak Che On.

Turut menerima DSDK ialah Ketua Cawangan Khas negeri, SAC II Azmi Othman; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Dr Abdul Ghani Shafie dan Ketua Staf Am Markas Medan Tentera Darat, Brig Jen Muslim Yusof.

Seramai 36 orang menerima Setia Diraja Kedah (SDK). Penerima tunggal Bintang Sultan Abdul Halim (BMS) adalah Pegawai Penjaga Cawangan Latihan

Para, Pasukan Gerakan Khas Ulu Kinta, Asisten Superintendan Abdul Razak Mohd Yusof.

Lapan belas yang lain menerima anugerah Jaksa Pendamai (JP). Antaranya ialah dua Exco, iaitu Fadzil Hanafi dan Rosnah Abdul Majid serta Ahli Parlimen Padang Serai, Lim Bee Kau.

Seramai 109 orang menerima Ahli Mahkota Kedah (AMK), termasuk Rohaizad Abdul Rahman, Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Seramai 69 orang menerima Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah (BCK), manakala penerima pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (PCK) seramai 84 orang.

Turut menerima Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) adalah Penolong Pengarang Berita New Straits Times (NST) Kuala Lumpur, Farush Khan Akhbar Khan; Penyelaras Unit Perniagaan Jabatan Foto NST Kuala Lumpur, Mohd Anuar Hashim dan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kedah, Sobri Sudin serta bapa lima mangsa tragedi Air Terjun Pecah Batu, di Gurun, November lalu, Ruslin Long.